

KOLONIALISASI BRITISH DAN IMPLIKASI TERHADAP HUBUNGAN SELANGOR-BUGIS, 1874-1941

Muhammad Naim Fakhirin Bin Rezani

Universiti Malaya
naim_fakhirin@yahoo.com

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk memperincikan dan membincangkan tentang hubungan Kesultanan Selangor dengan Bugis. Kedua-dua kuasa besar kerajaan Melayu ini telah mempunyai sejarah yang panjang, baik dari segi golongan istana dan pembesar, mahupun golongan masyarakat tempatan. Pentadbiran Kesultanan Selangor masih lagi mengekalkan beberapa ciri-ciri utama dan nilai-nilai budaya Bugis yang telah diterapkan dalam aspek kemasyarakatan. Walau bagaimanapun, kedatangan British di Selangor telah memberi kesan kepada Kesultanan Selangor. Struktur geo-politik di Selangor telah berubah secara keseluruhan kerana pentadbiran British telah mengekang kerjasama politik antara Kesultanan Selangor dan juga Bugis secara langsung. Isu pokok yang dibincangkan oleh artikel ini ialah untuk melihat bagaimana penjajahan British telah memberi kesan kepada hubungan Selangor-Bugis sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Artikel ini ditulis dengan melakukan melalui penelitian sumber primer daripada Arkib Kuala Lumpur, Persatuan Sejarah Cawangan Selangor, Muzium Negeri Selangor dan juga kajian perpustakaan di Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia. Dapatan daripada kajian ini menjelaskan faktor-faktor yang membawa kepada perubahan hubungan Selangor-Bugis dan kesan-kesan yang berlaku kepada hubungan kedua-dua kerajaan Melayu di Alam Melayu. Perbincangan artikel ini adalah untuk menguatkan hujah bahawa penjajahan yang telah dilakukan oleh British telah memberi kesan secara langsung kepada hubungan antara Kesultanan Selangor dan Bugis.

Kata Kunci: *Selangor, Bugis, British, Kesultanan, Politik, Kolonialisasi, Penjajahan, Hubungan, Melayu.*

KOLONIALISASI BRITISH DAN IMPLIKASI TERHADAP HUBUNGAN SELANGOR-BUGIS, 1874-1941¹

PENDAHULUAN

Selangor merupakan sebuah negeri yang terletak di tengah-tengah Semenanjung Tanah Melayu dan kedudukannya berjiran dengan Perak di bahagian utara dan berjiran dengan Negeri Sembilan di bahagian selatan Semenanjung Tanah Melayu.² Kedudukan Selangor yang terletak berhadapan dengan Selat Melaka menjadikan negeri ini rebutan antara kuasa-kuasa utama di Alam Melayu bermula dengan rebutan daripada Majapahit sehinggalah kepada British pada awal abad ke-19.³ Semasa zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka, Selangor berada dalam jajahan takluk negeri Melaka. Selepas kejatuhan Melaka, Selangor telah ditelakkan sebagai jajahan takluk negeri Johor semasa pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Syah II.⁴

Sejarah awal perhubungan antara Selangor dan Bugis bermula semasa pentadbiran Belanda di Melaka.⁵ Belanda telah membawa masuk masyarakat Bugis dari Sulawesi dengan jumlah yang ramai untuk berkhidmat sebagai askar upahan.⁶ Keadaan ini menjadikan masyarakat Bugis telah lama bertapak di kawasan ini dan secara tidak langsung mewujudkan petempatan untuk mereka di sekitar daerah Klang dan juga Kuala Selangor. Perhubungan antara Selangor dan Bugis diperkukuhkan lagi melalui campur tangan Bugis di rantau ini. Dalam tahun 1736 seorang Bugis bernama Daeng Mateko cuba merebut kawasan Klang daripada Kesultanan Johor.⁷ Masalah ini kemudiannya cuba di atasi dengan bantuan daripada Daeng Chelak yang telah datang ke Kuala Selangor dengan angkatan perang dari Riau.⁸ Daeng Mateko dapat dikalahkan dan beliau kemudiannya telah melarikan diri ke Siak.

¹ Kertas kerja ini dibentangkan dalam Seminar Institusi Raja (Siraj IV) Hubungan Luar Kesultanan Melayu pada 29 September 2016 di Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur, anjuran Pusat Kajian Institusi Raja Malaysia (PKIRM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dengan kerjasama Perpustakaan Negara Malaysia.

² J.M. Gullick, *Glimpses of Selangor, 1860-1898*, Selangor: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1993, hlm. 109.

³ Ibid, hlm. 112.

⁴ Ibid, hlm. 117.

⁵ Pentadbiran Belanda di Melaka bermula pada tahun 1641 selepas Belanda membantu Johor menewaskan Portugis dan Aceh dalam peperangan antara Johor-Riau dengan Aceh dan Portugis. Donald B. Freeman, *Straits of Malacca: Gateway or Gauntlet?*, London: Oxford University Press, 1999, hlm. 24.

⁶ Carl A. Trocki, *Prince of Pirates: The Temenggongs And The Development Of Johor And Singapore*, Singapore: National University Singapore Press, 2007, hlm.49.

⁷ Ibid, hlm. 51.

⁸ Ibid, hlm. 56.

Semenjak itu, Daeng Chelak sentiasa berulang-alik dari Riau ke Kuala Selangor. Ketika Daeng Chelak berada di Kuala Selangor penduduk Kuala Selangor memohon kepada beliau supaya terus menetap di situ sahaja.⁹ Walau bagaimanapun, Daeng Chelak telah menamakan salah seorang daripada puteranya, iaitu Raja Lumu, datang ke Kuala Selangor. Daeng Lumu dilantik menjadi Yang DiPertuan Klang yang pertama, dan Daeng Loklok dilantik menjadi Datuk Maharaja Lela. Kemudian Raja Lumu telah diisytiharkan sebagai Sultan Selangor yang pertama oleh Sultan Perak. Pengisytiharaan ini telah dilakukan mengikut adat-adat Melayu dengan menggunakan alat kebesaran diraja Perak.¹⁰ Melalui pengisytiharaan ini, ianya bukan sahaja menandakan bermulanya Kesultanan Selangor, malah memperlihatkan hubungan awal antara Selangor dan Bugis.

Perlantikan Raja Lumu Sebagai Sultan Selangor

Perlantikan Raja Lumu sebagai Sultan Selangor sering diperdebatkan oleh sejarawan kerana terdapat dalam pelbagai catatan sejarah. Perkara yang sering diperdebatkan adalah mengenai perlantikan Raja Lumu sebagai Sultan Selangor. Barbara Watson Andaya¹¹ misalnya berpendapat bahawa Raja Lumu telah berangkat sendiri ke Perak untuk mendapat perkenan daripada Sultan Perak. Manakala pendapat sejarawan lain, mengatakan bahawa Raja Lumu dijemput oleh Sultan Perak untuk dilantik sebagai Sultan Selangor. Perdebatan ini berlaku disebabkan oleh kepelbagaian sumber primer¹² yang mencatat tentang perlantikan Raja Lumu sebagai Sultan Selangor. Antara sumber primer yang mencatat tentang perlantikan Raja Lumu sebagai Sultan Selangor adalah melalui fail daripada Pejabat Sultan Perak.¹³ Fail ini menyatakan bahawa Raja Lumu dilantik sebagai Sultan Selangor semasa pemerintahan Sultan Mahmud Shah iaitu dalam tempoh tahun 1765-1773. Menurut catatan

⁹ Morgan T. Foster, *The Bugis Genealogy of the Raja Muda Family of Riau-Johor*, Selangor: Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, 1988, hlm. 17.

¹⁰ Morgan T. Foster, *The Bugis Genealogy of the Raja Muda Family of Riau-Johor*, Selangor: Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, 1988, hlm. 19.

¹¹ Barbara Watson Andaya ialah seorang sejarawan pakar tentang sejarah Malaysia dan Asia Tenggara. Antara karya yang telah dihasilkan oleh beliau ialah *A History Of Malaysia* dan juga *A History of Early Modern Southeast Asia, 1400-1830*.

¹² Sumber primer adalah bahan yang belum diolah atau dicetak iaitu sumber atau bahan yang masih dalam keadaan asal seperti dalam bentuk kertas, fosil, manuskrip yang belum dicetak, surat rasmi kerajaan, batu bersurat dan keterangan lisan. Sumber-sumber tersebut bersifat asli dan belum ditafsir. Sumber-sumber tersebut biasanya dihasilkan pada masa yang hampir sama dengan maklumat yang dicatatkan dan oleh pihak yang berwibawa. Yusoff Iskandar, *Pensejarahan Melayu: Kajian Tentang Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1992, hlm. 21.

¹³ Selangor Government Gazette And Colonial Office, CO 469/22/934.

tersebut, semasa pemerintahan Sultan Mahmud Shah, Raja Haji, iaitu seorang Panglima Bugis dari Riau dan Raja Lumu telah datang ke Negeri Perak dalam tahun 1770.¹⁴

Berdasarkan kepada catatan tersebut, selain daripada urusan diplomatik, kedatangan Raja Lumu ke Perak juga dilakukan atas dasar perkahwinan politik.¹⁵ Dalam pertemuan tersebut, Raja Lumu dikatakan telah berkahwin dengan Puteri Diraja Perak. Perkahwinan ini membolehkan Raja Lumu dinobatkan sebagai Sultan Selangor dan digelar oleh Sultan

Mahmud Shah dengan nama Sultan Salehuddin Shah. Apabila Sultan Salehuddin Shah berangkat balik ke Selangor, Baginda ditabalkan pula di hadapan rakyat Selangor dengan membunyikan nobat¹⁶ daripada Perak tersebut.¹⁷ Sehubungan dengan perkara tersebut, Sultan Salehuddin Shah bukan sahaja mendapat pengiktirafan daripada Kesultanan Perak, malah menjalinkan hubungan antara Selangor dengan negeri Perak.

Isu perlantikan Raja Lumu sebagai oleh Sultan Perak turut terdapat dalam catatan *Tuhfat al-Nafis*¹⁸ karangan Raja Ali Haji. Berdasarkan kepada karya ini, Raja Lumu telah ke Pulau Pangkor kemudian dijemput oleh Sultan Perak untuk menghadap Baginda. Dalam perundingan di antara kedua-dua pihak, Sultan Perak telah bersetuju melantik Raja Lumu menjadi Yang Di-Pertuan Besar Selangor dan digelar dengan nama Sultan Salehuddin Shah. Kemudian Sultan Salehuddin Shah berangkat pulang ke Kuala Selangor diiringi sendiri oleh Sultan Perak. Setelah sampai ke Kuala Selangor Sultan Salehuddin pun ditabalkan dihadapan rakyat Selangor dengan penuh istiadat.

Mengikut catatan dalam buku *Misa Melayu*¹⁹ yang ditulis oleh Raja Chulan, semasa Perak diperintah oleh Sultan Mahmud Syah, Raja Lumu telah datang sendiri ke Perak untuk

¹⁴ Ibid.

¹⁵ Succession to Sultanate of Selangor, CO 717/117.

¹⁶ Perkataan nobat adalah berasal dari perkataan Parsi 'naubat' bermaksud sembilan jenis alat. Nobat ialah peralatan bunyi-bunyian Diraja yang digunakan untuk pertabalan Sultan yang akan memerintah. Antara alat-alat bunyian Nobat ialah Gendang, Nafiri, Serunai dan Gong. Negeri-negeri Melayu yang mempunyai Nobat ialah Perak, Kedah, Selangor dan Terengganu. *David. T. Milner, Malay History And Culture*, London: MacMillan Publishers, 1972, hlm. 31.

¹⁷ Ibid.

¹⁸ *Tuhfat al-Nafis* yang membawa maksud "Hadiah Berharga" merupakan sebuah karangan sejarah yang ditulis oleh Raja Ali Haji, Riau pada 1885. Karya ini menceritakan tentang pembabitan orang-orang Bugis di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, karya ini telah memperlihatkan sifat bias (berat sebelah) yang lebih condong ke arah penceritaan kebesaran masyarakat Bugis. Virginia Matheson, *Tuhfat Al-Nafis (the Precious Gift): A Nineteenth Century Malay History Critically Examined*, Manchester: Manchester University Press, 1999, hlm. 19.

¹⁹ *Misa Melayu* merupakan karya sejarah yang ditulis oleh penulis istana iaitu Raja Chulan. Penghasilan karya ini dibuat semasa pemerintahan Sultan Iskandar Zulkarnain dan selesai ditulis pada 1908. Karya ini kemudian dikaji oleh R.O Winstedt. Yusof Iskandar, *Pensejarahan Melayu: Kajian Tentang Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1992, hlm. 27.

mengadap ke Sultan.²⁰ Ketika ini Raja Lumu dinobatkan dan terus dikurniakan gelaran Sultan Salehuddin bersama dengan cap mohor dan peralatan kebesaran Diraja seperti nobat.²¹ Walaupun terdapat perbezaan pendapat mengenai cara perlantikan Raja Lumu sebagai Sultan Selangor, namun sejarawan telah bersepakat bahawa, Raja Lumu telah dilantik sebagai Sultan Selangor yang pertama melalui Sultan Perak. Misalnya Prof. Khoo Kay Kim dalam kajiannya yang bertajuk *The Peninsular Malay Sultanates :Genesis And Salient Features* menyatakan bahawa, Raja Lumu dilantik oleh Sultan Perak sebagai Sultan Selangor kerana Sultan Perak merupakan keturunan Kesultaan Melayu Melaka.²² Manakala Barbara Watson Andaya dalam bukunya *Leaves Of The Same Tree: Trade And Ethnicity In The Straits Of Melaka* pula menyatakan bahawa perlantikan Raja Lumu dilakukan setelah Raja Lumu sendiri ke Perak.²³

Sejak perlantikan Raja Lumu sebagai Sultan Selangor, pengaruh Bugis di Selangor semakin diperkukuhkan dalam pelbagai bentuk kerjasama. Kesan daripada perhubungan antara Selangor dan Bugis ini dapat dilihat dalam beberapa perkara iaitu perdagangan, perundangan dan juga sosio-ekonomi masyarakat di Selangor. Walau bagaimanapun, tempoh penjajahan British telah memberi implikasi terhadap pengaruh Bugis di Selangor. Tindakan yang dilakukan oleh British di Semenanjung Tanah Melayu, terutamanya Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 dan pelaksanaan sistem Residen, telah menjejaskan pengaruh Bugis di Selangor secara langsung.

Pengaruh Bugis Sebelum Penjajahan

Penglibatan Bugis di Selangor dilihat telah mewarnai politik istana negeri ini. Sebelum ini, tradisi Diraja Melayu seringkali dikaitkan dengan darah keturunan dari Palembang, khususnya mengenai wadaat²⁴ antara Demang Lebar Daun dan Sang Sapurba. Penglibatan Bugis di Selangor dikaitkan dengan pertelingkahan yang berlaku dalam situasi perebutan

²⁰ Siti Hawa Hj. Salleh, *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997, hlm. 37.

²¹ Ibid, hlm. 37.

²² Khoo Kay Kim, *The Peninsular Malay Sultanates :genesis and Salient Features*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1972, hlm. 19.

²³ Barbara Watson Andaya, *Leaves of the Same Tree: Trade and Ethnicity in the Straits of Melaka*, Singapore: National University Singapore Press, 2001, hlm. 71.

²⁴ Wadaat bermaksud sebuah perjanjian. Dalam Sejarah Melayu, wadaat yang dilakukan antara Demang Lebar Daun dan Sang Sapurba merupakan sebuah perjanjian supaya Sultan yang memerintah perlu berlaku adil manakala rakyat perlu menghormati Sultan. Anthony Milner, *The Invention of Politics in Colonial Malaya*, New York: Cambridge University Press, 2002, hlm. 19.

kawasan.²⁵ Oleh yang demikian, kedatangan Bugis di Selangor amat dirasai oleh semua pihak, terutamanya masyarakat tempatan. Salah satu faktor utama wujudnya petempatan Bugis di Selangor kerana sifat semula jadi atau adat keturunan Bugis yang suka hidup merantau.²⁶ Masyarakat Bugis terkenal dengan budaya merantaunya. Menurut Riwanto Tirtosudarmo kegiatan merantau dikaitkan dengan kegiatan mencari rezeki, mencerminkan kemampuan yang dimiliki oleh masyarakat Bugis untuk berpindah dan menyesuaikan diri dalam lingkungan kehidupan yang baru.²⁷

Kegiatan merantau keluar dari Pulau Sulawesi merupakan satu kegiatan yang menjadi amalan tradisi kepada masyarakat Bugis. Malahan dalam tradisi hidup masyarakat Bugis, setiap kanak-kanak Bugis telah ditanam semangat untuk berlayar dan merantau dengan cara menceritakan kepada mereka tentang kisah perantauan tokoh-tokoh seperti Sawerigading.²⁸ Pada kebiasaannya cerita merantau dan kepahlawanan akan dibaca pada majlis-majlis keramaian seperti majlis perkahwinan.²⁹ Para ibu bapa juga akan memainkan peranan dalam mendidik anak mereka supaya menjadi seorang perantau. Mereka akan mendidik anak-anak mereka dengan menyanyikan lagu-lagu kepahlawanan Pelaut. Lagu ini akan dinyanyikan oleh para ibu Bugis pada masa hendak mendodoi anak tidur.³⁰

Kebudayaan tradisi daripada Bugis ini dilihat telah mempengaruhi masyarakat tempatan. Misalnya penceritaan tentang kehebatan pahlawan Melayu dan Tun Perak mula dipertuturkan dalam beberapa majlis keramaian, terutama semasa kelahiran bayi.³¹ Persamaan tradisi ini kemudian disesuaikan dengan nilai-nilai Islam yang telah wujud di Selangor. Persamaan tradisi tentang penceritaan kehebatan pahlawan ini, merupakan tradisi yang dibawa oleh Bugis ke Selangor.³²

Kewujudan petempatan Bugis di Selangor telah memperlihatkan kelainan daripada masyarakat tempatan sebelum ini. Berdasarkan daripada catatan J.M Gullick, masyarakat

²⁵ Sawerigading adalah nama seorang putera raja Bugis dari Kerajaan Luwu Purba, Sulawesi Selatan. Cerita tentang kehebatan Sawerigading terdapat dalam karya agung Sejarah Bugis iaitu Sureq Galigo. Christian Pelras, *The Bugis*, Sydney: Sydney University Press, hlm. 19.

²⁶ Ibid, hlm. 23.

²⁷ Ibid, hlm. 29.

²⁸ Sularto Hadisuwarno, *The Bugis-Macassar Traditional Boatbuilding as a Cultural Element in South Sulawesi*, Jakarta: Universiti Gadjah Mada Press, 2003, hlm. 119

²⁹ Ibid, hlm. 120.

³⁰ Ibid, hlm. 129.

³¹ Jane Drakard, *Malays in Selangor: Culture, Economy, And Ideology*, London: Cambridge University Press, 1990, hlm. 21.

³² Ibid, hlm. 29

Bugis amat gemar ke laut untuk meneruskan aktiviti perikanan dan juga pelayaran. Petempatan Bugis di Kuala Selangor secara khususnya telah memperlihatkan daerah ini kaya dengan aktiviti pelautan.³³ Dalam masyarakat Bugis, belayar, mengembara, berdagang dan merantau merupakan tradisi yang dipegang dalam kehidupan mereka. Sebagai suku bangsa yang terkenal dalam aktiviti pelayaran, pelaut Bugis telah mengembangkan suatu kebudayaan maritim sejak beberapa abad yang lalu di Selangor.³⁴ Dalam catatan Gullick, petempatan masyarakat Bugis di Selangor telah mewarnai aktiviti ekonomi negeri ini melalui pelautan dan juga bercucuk tanam.³⁵

Sebagai masyarakat yang mempunyai kehandalan dalam ilmu pelayaran, masyarakat Bugis dengan mudahnya dapat membentuk sebuah petempatan kekal di Selangor. Kedatangan masyarakat Bugis ke Selangor kemudiannya menjadikan sebagai kawasan tersebut sebagai tumpuan untuk perantauan.³⁶ Ini dapat dilihat berdasarkan kepada petempatan di Kuala Selangor. Masyarakat Bugis telah menjadikan kawasan Kuala Selangor sebagai kawasan untuk pertanian dan juga penternakan.³⁷ Menurut catatan Frank Swettenham, masyarakat Bugis di Selangor telah membawa budaya mereka dalam bidang pertanian di Kuala Selangor.³⁸ Oleh sebab itu pada peringkat awal, daerah ini merupakan daerah persinggahan pelayar-pelayar Bugis dari Sulawesi dan petempatan di daerah Selangor kemudian telah berkembang sehingga membentuk sebuah unit komuniti Bugis di Selangor.

Dalam sektor pertanian, masyarakat Bugis telah memperkenalkan peralatan baru untuk bidang pertanian di Kuala Selangor. Antaranya ialah *rakkala*. *Rakkala* adalah alat untuk menggemburkan tanah dan memudahkan untuk teknik pembajaan.³⁹ Melalui peralatan ini, hasil pertanian bukan sahaja dapat dipertingkatkan, malah tanah menjadi semakin subur. Oleh itu, kewujudan petempatan Bugis di Selangor secara asasnya dilihat telah berjaya membantu masyarakat tempatan dalam bidang pertanian.⁴⁰

Kemahiran Bugis dalam pelayaran dan aktiviti perdagangan telah menjadi faktor kejayaan mereka mendominasi ekonomi di Selangor. Menurut Francis Light pada tahun

³³ Report To Colonial Office: Selangor Socioeconomy, CO 717/48/26

³⁴ Ibid.

³⁵ Ibid.

³⁶ Selangor Annual Report, CO 439/1/29.

³⁷ Abraham G. Johnson, *Bugis: Society And Philosophy*, New York: Oxford University Press, 1993, hlm. 219.

³⁸ Letter From Frank Swettenham To Colonial Office, CO 717/65/2.

³⁹ Pertanian Masyarakat Bugis, Akhbar Jawi Peranakan, 19 Mei 1921.

⁴⁰ Ibid.

1794, pedagang Bugis sentiasa memperdagangkan barangan yang berkualiti dan mempunyai nilai yang tinggi.⁴¹ Tingkah laku masyarakat Bugis dalam perdagangan memperlihatkan kemahiran mereka untuk berinteraksi dalam hubungan perniagaan. Oleh itu urusan perdagangan mereka sentiasa di perlukan untuk perdagangan di Alam Melayu.⁴² Secara tidak langsung, pelabuhan Selangor menjadi tumpuan utama pedagang dan pembeli seterusnya menjadi pelabuhan yang maju. Masyarakat Bugis juga telah memainkan peranan yang penting terhadap aktiviti bijih timah di negeri Selangor. Mereka telah meningkatkan perdagangan bijih timah di Selangor. Semasa masyarakat Bugis menguasai perdagangan biji timah di Selangor, hasil daripada bijih timah diperlukan sebagai penggunaan peluru oleh kerajaan Brunei dan juga kerajaan-kerajaan di Sulawesi Selatan.⁴³

Selain daripada sektor ekonomi, petempatan awal masyarakat Bugis di Selangor menyaksikan mereka mula menguasai politik di negeri Selangor. Perkembangan politik Bugis di Selangor dilihat mula diperkukuhkan dengan perlantikan Raja Lumu sebagai Sultan yang pertama negeri Selangor.⁴⁴ Semasa awal kedatangan, Raja Lumu tidak disenangi oleh Datuk Engku Klang selaku pemimpin utama di antara empat orang Datuk yang menjaga wilayah-wilayah di dalam Selangor.⁴⁵ Wakil-wakil ini telah di lantik oleh Sultan Johor sebelum ketibaan Raja Lumu di Selangor. Raja Lumu menyedari hal tersebut, Baginda kemudian memperkukuhkan kedudukannya sebagai Sultan dengan mendapatkan pengiktirafan daripada Sultan Perak yang mewarisi darah Kesultanan Melaka.⁴⁶

Perlantikan Raja Lumu sebagai Sultan Selangor dengan memakai gelaran Sultan Salehuddin Shah telah memperlihatkan perbezaan pentadbirannya dengan pentadbiran negeri-negeri Melayu yang lain. Pentadbiran negeri Selangor menerima pengaruh Bugis yang kuat. Ini dapat dilihat melalui bentuk pentadbiran di Selangor, Raja Lumu telah membawa konsep *wanua* dan *palili* di Selangor.⁴⁷ Konsep ini digunakan untuk menghubungkan kekuasaan pusat dengan wilayah-wilayah yang kecil. Melalui konsep ini, Raja Lumu telah melantik wakil-wakilnya di setiap kawasan, seperti Kuala Selangor, Langat dan juga Hulu Selangor.⁴⁸

⁴¹ Rekod Hubungan Perdagangan Antara Bengal Dan Pulau Pinang, IOR/G/34/2.

⁴² Ibid.

⁴³ Memorandum To Colonial Office, Treasury: Federated Malay States, CO 1071/236/13.

⁴⁴ May Yee Chen, *The Royal Selangor Story: Born and Bred in Pewter Dust*, Singapore: Singapore University Press, hlm. 29

⁴⁵ Ibid, hlm. 31.

⁴⁶ Ibid, hlm. 39.

⁴⁷ Istilah *wanua* merujuk kepada sesuatu tempat, demografi manakala Istilah *palili* merujuk kepada hubungan kekuasaan dengan pusat. Daniel Perret, *History Of Johor-Riau-Lingga To 1914*, Singapore: Singapore University Press, 1990, hlm. 119.

⁴⁸ Selangor Administration Report, 1890, Selangor: Government Print, Sel. Sec. G. 1890/2603.

Wakil daripada istana ini akan menguruskan kawasannya. Konsep ini digunakan untuk menjaga hubungan istana dan juga dengan unit-unit kecil di Selangor. Melalui konsep ini, hubungan antara istana dan juga penghulu kampung dapat dikekalkan.⁴⁹ Oleh itu semasa peringkat awal pentadbiran Raja Lumu di Selangor, Baginda berjaya mengatasi masalah pemberontakan dan juga perasaan tidak puas hati penghulu kampung terhadap corak pentadbirannya.

Selain itu juga, pengaruh Bugis dalam sistem pentadbiran Raja Lumu juga dapat dilihat menerusi pentadbiran peringkat istana. Untuk melicinkan pentadbirannya, Raja Lumu telah mengadaptasikan sistem daripada Johor dan membentuk sistem pembesar di Selangor iaitu sistem pentadbiran empat orang Datuk yang lebih dikenali dengan nama Dato Empat Suku.⁵⁰ Melalui sistem ini, negeri Selangor telah dibahagikan kepada empat bahagian iaitu Kuala Selangor, Langat, Ulu Langat dan Klang. Setiap daerah ini, akan dilantik oleh istana dan akan menjalankan tugas seperti mengumpul cukai untuk Sultan dan juga membuat laporan mengenai masyarakat kepada Sultan.⁵¹

Penempatan masyarakat Bugis di Selangor dilihat turut mempengaruhi kehidupan masyarakat tempatan. Nilai-nilai ini merupakan adat dan tradisi masyarakat Bugis yang telah berasimilasi dengan nilai masyarakat tempatan. Nilai masyarakat Bugis yang telah dibawa dalam masyarakat tempatan dapat dilihat melalui nilai-nilai kehidupan. Misalnya, penerapan nilai adat *siri'* ataupun peningkatan darjat individu.⁵² Adat dan nilai tradisi ini dilihat telah menjadi faktor kejayaan kepada masyarakat Bugis terutamanya dalam politik Alam Melayu kerana adat ini telah menjadikan masyarakat Bugis bercita-cita tinggi. Malahan nilai tradisi *siri'* juga amat penting dalam kehidupan mereka misalnya untuk mencapai matlamat dalam kehidupan mereka.⁵³ Dalam adat *siri'*, masyarakat Bugis berpendirian mereka perlu menjaga tiga hujung, iaitu hujung lidah, hujung pedang dan hujung kemaluan.⁵⁴

Penegasan tradisi *siri'*, memberi keutamaan kepada penguasaan hujung lidah, masyarakat Bugis perlu melalui perbincangan dan permuafakatan.⁵⁵ Kebiasaannya, melalui kaedah pertama ini orang Bugis akan membuat perjanjian dan sumpah yang melibatkan dua pihak.

⁴⁹ Ibid.

⁵⁰ A. C Milner, *Islam And Malay Kingship*, Journal Of The Royal Asiatic Society, 1981, hlm. 40.

⁵¹ Ibid, hlm. 49.

⁵² Stephen C. Druce, *The Lands West of the Lakes: A History of the Ajattappareng Kingdoms of South Sulawesi 1200-1600*, Leiden: Royal Institute Of Southeast Asian And Caribbean Studies, 2007, hlm. 63

⁵³ Stephen C. Druce, *The Lands West of the Lakes: A History of the Ajattappareng Kingdoms of South Sulawesi 1200-1600*, Leiden: Royal Institute Of Southeast Asian And Caribbean Studies, 2007, hlm. 66

⁵⁴ Ibid, hlm. 72.

⁵⁵ Ibid, hlm. 79.

Kaedah kedua yang dikenali hujung keris pula akan wujud sekiranya berlaku penipuan dan pelanggaran janji antara kedua pihak yang membawa kepada peperangan, kalah atau menang bergantung kepada kekuatan penyokong, strategi dan kemahiran pihak yang terlibat dan kaedah yang terakhir dikenali sebagai hujung kemaluan iaitu melalui perkahwinan.⁵⁶ Kaedah-kaedah ini amat penting dalam kehidupan kerana ia akan membuatkan matlamat siri meningkatkan *siri* mereka akan tercapai. Pendekatan kedua-dua nilai ini dilihat berlaku pertembungan dalam adat Melayu. Walau bagaimanapun, nilai dan adat daripada Bugis ini dilihat telah berasimilasi dengan adat Melayu sehingga membentuk identiti masyarakat Selangor secara khususnya.⁵⁷

Pengaruh Bugis di negeri Selangor dilihat semakin kukuh kerana adat dan tradisi yang dibawa oleh masyarakat Bugis dapat diterima dengan baik oleh masyarakat tempatan. Malah, sepanjang pemerintahan Kesultanan Selangor, tidak sekatan yang dibuat oleh pemerintah untuk membezakan antara masyarakat Bugis dan juga masyarakat Melayu.⁵⁸ Keadaan ini telah membentuk keharmonian sehingga petempatan Bugis dari Sulawesi Selatan dilihat semakin meningkat di Selangor. Walau bagaimanapun, permulaan terhadap zaman kolonial British dilihat telah memberi kesan terhadap pengaruh Bugis di Selangor.

Kesan Kolonialisasi Terhadap Hubungan Selangor-Bugis

Perjanjian Inggeris-Belanda 1824

Perjanjian ini berlaku setelah rundingan antara British dan Belanda dalam membahagikan wilayah kekuasaan masing-masing di Kepulauan Melayu. Pada 17 Mac 1824, satu perjanjian telah ditandatangani antara British dan Belanda.⁵⁹ Rundingan ini dilakukan untuk menyelesaikan masalah persaingan antara British dan Belanda di Singapura.⁶⁰ Berdasarkan kepada rundingan ini, British akan menguasai wilayah Semanjung Tanah Melayu, manakala Belanda akan menguasai wilayah Pulau Jawa.⁶¹ Perjanjian ini dilihat telah menjadi titik pemisah antara Alam Melayu. Dengan erti kata lain, hubungan Selangor dan

⁵⁶ Ibid, hlm. 89.

⁵⁷ Ibid, hlm. 92.

⁵⁸ Selangor Socioeconomic Report To Colonial Office, CO 628/29/36.

⁵⁹ Christian J. Koot, *Empire at the Periphery: British Colonists, Anglo-Dutch Trade, and the Development British Atlantic*, New York: New York University Press, 2011, hlm. 119.

⁶⁰ Report To Colonial Office: Singapore Progress, FO 628/5/70

⁶¹ Eastern Seas. Proceedings of British & Dutch Authorities. Conventions with Native Princes, FO 37/803.

Bugis juga dipisahkan dengan lebih jelas. Ini dapat dilihat semasa Belanda melaksanakan pemerintahan di Sulawesi.

Pentadbiran Belanda pada peringkat awal dilihat mahu mengawal pentadbiran Sulawesi Selatan secara keseluruhan. Belanda kemudian melaksanakan dasar dengan keras dan menghapuskan sistem beraja di Sulawesi Selatan.⁶² Raja-Raja di Sulawesi Selatan seperti Raja Kerajaan Bone dan Raja Kerajaan Gowa telah dipaksa untuk menandatangani *korte verklaring* untuk menunjukkan kesetiaan mereka terhadap Raja Belanda.⁶³ Keadaan semakin tertekan apabila pemerintah Belanda mula melakukan kekerasan dengan melaksanakan dasar kerahan tenaga untuk pertanian.⁶⁴ Keadaan kacau bilau yang berlaku di Sulawesi Selatan tidak dapat dibantu oleh pemerintah Selangor seperti sebelum ini kerana Sulawesi Selatan berada dalam wilayah Belanda. Perjanjian ini dilihat untuk kepentingan ekonomi British dan Belanda pada peringkat awal. Walau bagaimanapun, secara tidak langsung kesan Perjanjian Inggeris-Belanda telah memisahkan kelompok Bugis kepada dua pecahan iaitu kelompok Bugis di Semenanjung Tanah Melayu dan kelompok Bugis yang berada di Pulau Jawa.

Selain itu juga, perjanjian ini turut dilihat telah memisahkan hubungan perdagangan antara Selangor dengan kerajaan-kerajaan Bugis di Sulawesi Selatan seperti Kerajaan Bone, Kerajaan Gowa dan Ajatappareng. Sebelum perjanjian ini ditandatangani, Kesultanan Bugis Selangor bebas untuk menerima pedagang daripada Sulawesi, malah pedagang Sulawesi juga pernah membawa barangan mereka untuk berdagang di Pulau Pinang.⁶⁵ Kerajaan Selangor dalam tempoh abad ke-17 sehingga awal abad ke-19 mempunyai hubungan perdagangan yang kukuh dengan kerajaan-kerajaan di Sulawesi Selatan. Antara hasil utama yang diperdagangkan adalah senjata dan juga bijih timah. Kerajaan Selangor akan membekalkan bijih timah kepada kerajaan di Sulawesi Selatan manakala Kerajaan Bone dan Gowa akan membekalkan senjata kepada Selangor.⁶⁶ Masyarakat Bugis ketika itu terkenal melalui penghasilan senjata yang dikenali dengan *kawali*, pistol dan meriam besi mereka. Namun selepas perjanjian ini ditandatangani, hubungan perdagangan antara Selangor dan kerajaan-kerajaan Bugis di Sulawesi Selatan dilihat terputus. Perjanjian yang dilakukan antara British dan Belanda ini bukan sahaja telah memutuskan hubungan politik, malah telah memisahkan hubungan kerjasama ekonomi di Alam Melayu.

⁶² Terance W. Bigalke, *Tana Toraja: A Social History of an Indonesian People*, London: Oxford University Press, hlm. 119.

⁶³ *Ibid*, hlm. 129.

⁶⁴ *Ibid*, hlm. 133.

⁶⁵ Selangor: Government Gazet, CO 469/3/19.

⁶⁶ Report To Colonial Office, Selangor Economy And Raja Muda Allowence, FCO 141/3.

Pembentukan Identiti Negeri Selangor

Sebelum kedatangan British di Selangor, negeri mempunyai hubungan yang rapat dengan kerajaan-kerajaan Bugis di Sulawesi Selatan. Oleh itu, semasa dalam tempoh ‘Zaman Keagungan Bugis’ di Tanah Melayu, Selangor turut tidak terlepas daripada dipengaruhi dengan tradisi-tradisi Bugis. Perhubungan antara Selangor dengan kerajaan-kerajaan Sulawesi Selatan bukan sahaja melalui ekonomi, malah melangkaui sempadan perhubungan antara Alam Melayu melalui adat dan juga tradisi yang diamalkan.⁶⁷ Oleh itu, kerajaan yang dibentuk di Selangor dilihat sebagai pembentukan kerajaan Bugis kerana persamaan yang dapat dilihat melalui sistem pentadbiran, perundangan dan juga tradisi yang diamalkan oleh masyarakat.⁶⁸ Walau bagaimanapun, kedatangan British sedikit sebanyak telah memisahkan tradisi Selangor dengan kerajaan-kerajaan Sulawesi Selatan. Kesan daripada pemisahan ini, negeri Selangor mula muncul dengan tradisi sendiri, yang berbeza dengan Negeri-Negeri Melayu mahupun dengan kerajaan-kerajaan di Sulawesi Selatan.⁶⁹

Pada peringkat awal, pembentukan identiti ini dapat dilihat melalui perundangan. Sebelum kedatangan British, Kesultanan Bugis Selangor, melaksanakan perundangan yang hampir sama dengan kerajaan-kerajaan di Sulawesi Selatan. Raja Lumu dalam melaksanakan pemerintahannya, turut menggunakan catatan dalam *Lontara Kutika* sebagai sumber untuk perundangan di Selangor.⁷⁰ *Lontara Kutika* merupakan sebuah kitab yang mengandungi nilai dan tradisi Bugis dan diamalkan sejak abad ke-10. Penggunaan kitab ini sebagai sumber rujukan menyebabkan undang-undang yang dilaksanakan di Selangor, mempunyai persamaan yang jelas dengan perundangan yang diamalkan oleh kerajaan-kerajaan Sulawesi Selatan.⁷¹ Persamaan perundangan ini dapat dilihat melalui Peraturan Istana, Peraturan Tanah dan juga Peraturan Cukai.⁷² Walau bagaimanapun, kedatangan British menyebabkan beberapa undang-undang baru telah diperkenalkan. Antaranya adalah Enakmen Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.⁷³ Perundangan yang diperkenalkan oleh British ini mempunyai persamaan dengan

⁶⁷ M. C. Ricklefs, *A History Cultural Bugis Indonesia*, London: Stanford University Press, California, 1981, hlm. 56.

⁶⁸ Ibid, hlm. 59.

⁶⁹ Ibid, hlm. 63.

⁷⁰ S. Budisantoso, *Wasiat-Wasiat Dalam Lontarak Bugis*, Jakarta: Proyek Penelitian dan Pengkajian Kebudayaan Nusantara, 1990, hlm. 23.

⁷¹ Ibid, hlm. 29.

⁷² Ibid, hlm. 34.

⁷³ Enakmen Negeri-Negeri Melayu Bersekutu ialah sistem perundangan yang telah dibentuk oleh British semasa mereka menubuhkan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. *The Laws of the Federated Malay States, 1877-1920*, London: Government Print, 1928.

negeri-negeri Melayu yang lain.⁷⁴ Keadaan ini secara tidak langsung, menjadikan negeri Selangor berbeza dengan kerajaan-kerajaan daripada Sulawesi Selatan kerana perundangan Bugis secara perlahan-lahan dihapuskan di Selangor dan digantikan dengan sistem perundangan daripada British.

Selain itu juga, pembentukan identiti negeri Selangor yang baru turut dilihat berpunca daripada tindakan British yang telah membawa masuk ramai buruh-buruh daripada China dan India.⁷⁵ Kemasukan warga asing ini menyebabkan kepelbagaian budaya telah terbentuk di negeri Selangor kerana kedatangan buruh-buruh daripada China dan India turut membawa budaya masing-masing ke negeri Selangor.⁷⁶ Kedatangan kepelbagaian budaya ini menyebabkan beberapa tradisi Bugis mula terhakis dan berasimilasi dengan budaya daripada China dan India. Perkara ini dilihat sebagai pembentukan identiti negeri Selangor yang sendiri secara beransur-ansur dan tradisi Bugis yang telah diamalkan sebelum ini dilihat semakin terhakis.

Pembentukan identiti negeri Selangor ini diperkukuhkan lagi melalui hubungan diplomatik dengan negeri-negeri Melayu. Setelah British meletakkan garis pemisah di Alam Melayu dengan membahagikan Semenanjung Melayu dan Pulau Jawa kepada dua bahagian pentadbiran yang berbeza, hubungan antara Selangor dan kerajaan-kerajaan di Sulawesi Selatan mula terputus.⁷⁷ Keadaan ini menyaksikan pemerintah Bugis di Selangor mula melakukan hubungan diplomatik dengan kerajaan-kerajaan negeri Melayu. Sebelum ini, kerajaan Selangor mempunyai hubungan akrab dengan Kesultanan Melayu Perak, kemudian menjalinkan hubungan dengan Negeri Sembilan, Pahang, Kedah dan Kelantan.⁷⁸

Pembentukan persekutuan yang terdiri daripada Selangor, Negeri Sembilan, Pahang dan Perak sebagai Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada tahun 1896 telah mengukuhkan lagi hubungan antara Selangor dan juga negeri-negeri Melayu. Perhubungan yang kukuh antara Selangor dan negeri-negeri Melayu ini menyebabkan beberapa tradisi Bugis mula dipinggirkan dan digantikan dengan tradisi daripada negeri-negeri Melayu. Walaupun tidak kesemuanya tradisi Bugis ini terhapus, namun garis pemisah yang diwujudkan oleh British

⁷⁴ Report To Colonial Office, Federated Malay States Enactment, CO 1071/234.

⁷⁵ Ching-Hwang Yen, *Ethnic Chinese Business in Asia: History, Culture and Business Enterprise*, London: Oriental History School Press, 1960, hlm. 129.

⁷⁶ Annual Report From Resident General, CO 576/1.

⁷⁷ Anthony Webster, *Gentleman Capitalists: British Imperialism in Southeast Asia 1770-1890*, London: Oxford University Press, hlm. 63.

⁷⁸ Selangor Annual Reports, CO 439/1/19.

menjadikan Selangor sebagai sebuah negeri yang berbeza dengan kerajaan-kerajaan Bugis di Sulawesi Selatan.

Kemerosotan Pemusatan Kuasa

Pada hujung abad ke-19, Selangor mengalami perubahan dari segi pentadbiran. Perubahan ini berlaku setelah British mula melantik Residen mereka yang pertama di Selangor iaitu James Guthrie Davidson.⁷⁹ Di atas kertas, peranan seorang Residen adalah untuk menasihati Sultan dalam pelbagai aspek berkaitan dengan negeri, kecuali mengenai adat tradisi dan juga agama Islam.⁸⁰ Perubahan yang berlaku di peringkat istana ini turut memberi implikasi terhadap pengaruh Bugis di Selangor. Antara perubahan yang berlaku terhadap pengaruh Bugis adalah kemerosotan pemusatan kuasa.⁸¹ Kemerosotan pemusatan kuasa ini telah mengurangkan pengaruh Sultan dalam pentadbiran negeri secara khususnya.⁸² Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, Raja Lumu dan juga Sultan selepasnya telah menggunakan Sistem Pembesar Empat Suku atau konsep tradisi Bugis iaitu *panua* dan *walili* sebagai banteng untuk mengukuhkan kedudukan dan mengekalkan kuasa Sultan dalam pentadbiran negeri. Namun selepas penstrukturan pentadbiran oleh British, kuasa Sultan semakin merosot, dalam erti kata lain, pengaruh Bugis turut semakin berkurang.⁸³

Antara faktor yang membawa kepada kemerosotan pemusatan kuasa adalah kuasa mengenai perlantikan penghulu. Semasa J. G Davidson mula mengambil alih sebagai pentadbir di negeri Selangor, beliau telah meminggirkan beberapa penghulu yang berpengaruh, terutamanya daripada keturunan Bugis.⁸⁴ Davidson tidak membawa mereka dalam mesyuarat mengenai cukai, sebaliknya terus melaksanakan arahan tanpa melakukan perbincangan.⁸⁵ Selain itu juga, Davidson juga telah melantik penghulu-penghulu yang baru mengikut kemahuan dirinya sendiri tanpa mengambil kira pandangan daripada masyarakat tempatan ataupun mengadakan perbincangan terlebih dahulu.⁸⁶ Sebelum pelaksanaan sistem Residen, kuasa untuk melantik penghulu adalah dibawah kuasa pembesar dan melalui Sultan.

⁷⁹ Emily Sadka, *The Protected Malay States 1874-1895*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1968, hlm. 15.

⁸⁰ Ibid, hlm. 19.

⁸¹ L. R. Sright, *The Origins Of British Java Settlements*, Hong Kong: Hong Kong University Press, 1971, hlm. 197.

⁸² Ibid, hlm. 213

⁸³ L. R. Sright, *The Origins Of British Java Settlements*, Hong Kong: Hong Kong University Press, 1971, hlm. 210.

⁸⁴ T. N Harper, *The End Of Empire And Making Malaya*, London: Cambridge University Press, 1999, hlm. 21

⁸⁵ Ibid, hlm. 27.

⁸⁶ Report To Colonial Office, Selangor, CO 439/2/6.

Oleh itu kebanyakan penghulu-penghulu yang dilantik, adalah mereka daripada keturunan Bugis.⁸⁷ Tetapi setelah sistem Residen ini dilaksanakan, tugas untuk melantik penghulu perlu melalui Residen terlebih dahulu. Keadaan yang berlaku ini secara tidak langsung telah mengurangkan pengaruh Bugis kerana British tidak lagi melantik penghulu daripada keturunan Bugis, sebaliknya melantik penghulu daripada masyarakat Melayu.

Tindakan yang dilakukan oleh Davidson ini adalah untuk mengukuhkan kedudukan British disamping mengurangkan pengaruh Sultan. Kesan daripada perlantikan penghulu ini dilihat telah mengurangkan pengaruh Bugis dalam pentadbiran. Kemerosotan golongan Bugis dalam pentadbiran menyebabkan kuasa Sultan dalam pentadbiran negeri juga semakin merosot kerana tidak mempunyai sokongan yang kukuh daripada peringkat bawah.⁸⁸ Pengurangan kuasa sultan ini membolehkan British memerintah di negeri Selangor tanpa gangguan. Oleh itu sepanjang pemerintahan British di Selangor, tentangan terhadap penjajah tidak begitu rancak seperti yang berlaku di negeri-negeri melayu yang lain.⁸⁹

Penubuhan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MKN) turut dilihat sebagai faktor yang menyebabkan kemerosotan terhadap pemusatan kuasa Sultan. MKN telah ditubuhkan oleh Residen sebagai jawatankuasa untuk perbincangan mengenai dasar kerajaan negeri Selangor.⁹⁰ Penubuhan MKN terdiri daripada Residen, Sultan dan juga pembesar. Keputusan daripada perbincangan akan dicadangkan oleh Residen dan diluluskan oleh Sultan.⁹¹ Walaupun Sultan mempunyai kuasa untuk meluluskan, namun dalam MKN, kuasa sebenar dalam melakukan keputusan adalah Residen. Pembentukan jawatankuasa MKN ini juga telah meminggirkan suara daripada pembesar yang dilantik oleh Sultan sebelum ini. Pembesar yang dilantik oleh Sultan sebelum ini adalah mereka yang mempunyai darah keturunan Bugis. Perlantikan ini dibuat berdasarkan kepada hubungan yang rapat dengan Sultan.⁹²

Pembentukan MKN ini dilihat telah mengurangkan kuasa Sultan secara asasnya kerana dalam mesyuarat tersebut, keputusan adalah berdasarkan kepada pertimbangan Residen, bukannya melalui seorang Sultan. Kesan daripada pembentukan MKN ini dilihat telah mengurangkan pengaruh Bugis secara keseluruhannya kerana tidak ada pembesar Bugis yang dijemput dalam mesyuarat ini. British hanya membenarkan mereka yang berpengaruh

⁸⁷ Khoo Kay Kim, *Selangor: Dahulu Dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1985, hlm. 7.

⁸⁸ John G. Butcher, *The British In Malaya, 1880-1941: The Social History Of A European Community In Colonial South-East Asia*, London: Oxford University Press, 1979, hlm. 119.

⁸⁹ *Ibid*, hlm. 19.

⁹⁰ Nicole T. Wright, *British Administration In Malaya*, New York: Ashgate Publishing, 1995, hlm. 23.

⁹¹ *Ibid*, hlm. 27.

⁹² *Ibid*, hlm. 31.

sahaja.⁹³ Misalnya Raja Bot, dijemput oleh British dalam perbincangan MKN kerana beliau mempunyai pengaruh yang kuat dalam kalangan masyarakat.⁹⁴ Oleh itu secara asasnya, MKN ini dilihat telah mengurangkan pengaruh Bugis kerana tiada pembesar daripada Bugis yang dijemput dalam perbincangan MKN dan suara mereka tidak lagi didengari untuk melakukan keputusan terhadap negeri Selangor.

Ramai sejarawan yang berpendapat bahawa, penubuhan MKN ini menjadikan pengaruh Bugis di Selangor semakin berkurangan. Misalnya Barbara Watson Andaya dalam bukunya *A History Of Malaysia* menyatakan bahawa, ahli MKN yang terdiri daripada orang Inggeris ini menyebabkan Sultan kehilangan pengaruh untuk mentadbir, terutamanya setelah dihalang untuk mendapat sokongan yang kukuh daripada keturunan Bugis seperti sebelum ini.⁹⁵ Nicholas Tarling dalam bukunya, *Imperialisme In Southeast Asia* menyatakan bahawa, British akan mengurangkan pengaruh keturunan atau keluarga daripada Sultan pada peringkat awal untuk memudahkan mereka menguasai negeri melalui jentera pentadbiran.⁹⁶

Pengurangan pengaruh Bugis dalam pentadbiran secara tidak langsung telah mengurangkan pengaruh Sultan dalam pentadbiran negeri. Kepentingan keturunan Bugis dalam pentadbiran Selangor turut terjejas kerana tindakan daripada British yang jelas meminggirkan peranan daripada pembesar yang berketurunan Bugis sama ada melalui pembesar istana mahupun peringkat kecil seperti penghulu.

Penguasaan Ekonomi British

Setelah sistem Residen mula dilaksanakan di Selangor, aspek utama yang diberi perhatian oleh British adalah ekonomi. Ekonomi yang dilaksanakan oleh British adalah ekonomi yang bercorak kapitalis dan bermatlamatkan keuntungan yang maksimum.⁹⁷ Oleh itu pada peringkat awal pentadbiran British di Selangor, sumber ekonomi yang diberi keutamaan oleh British adalah terhadap komoditi bijih timah. British tidak memberi keutamaan terhadap ekonomi masyarakat tempatan, malah telah mengabaikan pendapatan daripada ekonomi masyarakat tempatan.⁹⁸ Misalnya pendapatan daripada padi sawah tidak diberi perhatian oleh British kerana hasilnya dapat dikutip antara sekali sahaja dalam

⁹³ Ibid, hlm. 39.

⁹⁴ Annual Report, People And Economic Selangor, CO 439/2/6.

⁹⁵ Barbara Watson Andaya, Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, Hawaii: University of Hawai'i Press, 2001, hlm. 48.

⁹⁶ Nicholas Tarling, *Imperialisme In Southeast Asia*, London: Routledge, 2001, hlm. 117.

⁹⁷ Nicholas Tarling, *Imperialisme In Southeast Asia*, London: Routledge, 2001, hlm. 43.

⁹⁸ Ibid, hlm. 49.

setahun.⁹⁹ Dasar ekonomi yang dilaksanakan oleh British ini secara tidak langsung telah memberi kesan terhadap masyarakat Bugis di Selangor kerana sebelum kedatangan British, masyarakat Bugis yang menguasai ekonomi di Selangor.

Kesan ini dapat dilihat terhadap industri bijih timah. Sebelum kedatangan British, masyarakat Bugis yang menguasai perniagaan bijih timah. Misalnya keluarga Raja Abdullah yang mempunyai keturunan daripada Bugis telah menguasai industri bijih timah di Selangor sejak sekian lama.¹⁰⁰ Raja Abdullah kemudiannya telah menyerahkan pajakannya kepada peniaga Inggeris iaitu W. H Read dan Tan Kim Cheng.¹⁰¹ Keadaan yang berlaku ini secara tidak langsung telah menjejaskan pendapatan masyarakat Bugis di Selangor. Penguasaan daripada masyarakat Bugis mengenai bijih timah kemudiannya telah disingkirkan oleh British. Selain itu juga, campurtangan British dalam bidang ekonomi ini menyebabkan ramai masyarakat Bugis kehilangan pendapatan kerana British membawa masuk ramai buruh-buruh daripada China untuk terlibat dalam perlombongan.¹⁰² Situasi ini menyebabkan ramai masyarakat Bugis mula kehilangan pendapatan mereka terutamanya mereka yang bekerja sebagai pelombong. Semasa pentadbiran British, ramai masyarakat Bugis kembali kepada pertanian sara diri.¹⁰³

Di samping itu juga, penguasaan British terhadap aspek perdagangan dilihat telah memberi kesan kepada golongan bangsawan Bugis mahupun rakyat biasa. Sebelum penjajahan British, masyarakat Bugis terkenal dengan kemahiran laut malah mereka juga menguasai bidang perdagangan di Selangor. Penguasaan Bugis dalam bidang perdagangan ini menjadikan ekonomi import dan eksport di Selangor terus berkembang, terutama perhubungan dengan kerajaan-kerajaan Sulawesi Selatan. Setelah Selangor dibawah pentadbiran British, masyarakat Bugis mula dipinggirkan dalam perdagangan kerana dasar ekonomi British lebih memberi keutamaan terhadap ekonomi komersil untuk diperdagangkan. Perdagangan rempah dan juga hasil-hasil pertanian antara Selangor dan kerajaan-kerajaan Sulawesi Selatan semakin merosot kerana dasar ekonomi daripada British.¹⁰⁴ Sikap British terhadap ekonomi masyarakat Bugis ini secara tidak langsung telah

⁹⁹ Ibid, hlm. 51.

¹⁰⁰ Charles Morrison, *Mining in Malaya for Gold and Tin*, New York: Cambridge University Press, 1978, hlm. 77.

¹⁰¹ Ibid, hlm. 81.

¹⁰² Report, Bucket-dredging for Tin in the Federated Malay States, Colonial Office, Co 439/2/11.

¹⁰³ Lennox A. Mills, *Malaya: A Political and Economic Appraisal*, Minneapolis: University Of Minnesota Press, 1958, hlm. 29.

¹⁰⁴ A. J. Stockwell, *Malaya: The Alliance route to independence 1953-1957*, London: University Of London, 1995, hlm. 16.

melemahkan pegangan Bugis dalam ekonomi Selangor.¹⁰⁵ Oleh itu, kedatangan British di Selangor dilihat sebagai era kemerosotan pengaruh Bugis kerana mereka bukan sahaja kehilangan pengaruh politik, malah turut kehilangan pengaruh ekonomi kepada pihak penjajah.

Kesan Terhadap Perlantikan Sultan

Adat Penggantian Sultan merupakan adat yang penting dalam institusi Kesultanan Selangor. Penabalan seorang Sultan akan dibuat melalui mesyuarat¹⁰⁶ yang terdiri daripada Pembesar Empat Suku dan keluarga diraja. Semasa pemerintahan awal Raja Lumu, ahli-ahli mesyuarat terdiri daripada mereka yang keturunan Bugis sahaja.¹⁰⁷ Bahkan semasa kemangkatan Raja Lumu, Baginda sendiri diganti oleh Sultan Ibrahim atas dasar pungutan suara oleh keluarga Diraja keturunan Bugis.¹⁰⁸ Walau bagaimanapun, tradisi ini dilihat telah berubah setelah Selangor mula ditadbir oleh Residen British. Pentadbiran Residen di Selangor telah meminggirkan golongan keluarga diraja dalam membuat keputusan. Semasa perjanjian untuk pelaksanaan sistem Residen, British telah berjanji bahawa mereka tidak akan mencampuri urusan adat di Selangor. Tetapi campur tangan British dalam perlantikan Sultan Selangor yang baru dilihat telah mencampuri urusan adat perlantikan tersebut.¹⁰⁹

Campur tangan British dalam perlantikan Sultan dapat dilihat semasa kemangkatan Sultan Selangor yang kelima iaitu Sultan Abdul Samad. Setelah kemangkatan Sultan Abdul Samad, ahli golongan istana, yang terdiri daripada keluarga Diraja Bugis telah bersetuju untuk melantik Sultan Alaeddin Shah sebagai Sultan Selangor yang baru.¹¹⁰ Namun oleh kerana kelewatan pemakluman mengenai perkara tersebut, Residen British ketika itu, John Pickersgill Rodger menyatakan bahawa perihal mengenai kematian dan perlantikan Sultan yang baru perlu dilaporkan dan disahkan oleh Residen terlebih dahulu.¹¹¹ Dalam hal ini, British turut memberi penjelasan bahawa pelucutan dan perlantikan Sultan dibawah

¹⁰⁵ Ibid, hlm. 19.

¹⁰⁶ Mesyuarat mengenai perlantikan Sultan dan hal ehwal kerajaan ditubuhkan dengan nama Dewan Diraja Selangor pada tahun 1959. Iza R. Hussin, *The Politics of Islamic Law: Local Elites, Colonial Authority, And The Making Of The Muslim State*, London: The University Of Chicago Press, hlm. 29

¹⁰⁷ Ibid, hlm. 33.

¹⁰⁸ Ibid, hlm. 42.

¹⁰⁹ Letter From Frank Swettenham To Colonial Office, CO 882/4/10.

¹¹⁰ Barbara Watson Andaya, *The Installation of The First Sultan Of Selangor 1766*, Journal Of The Malaysian Branch, Royal Asiatic Society, 47(1), (1974):41-57.

¹¹¹ Letter To J. P. Rodger, Succession to Sultanate of Selangor, CO 717/117/12

tanggungjawab Residen.¹¹² Ekoran daripada kekeliruan yang timbul ini, Rodger menyatakan bahawa Residen perlu disenaraikan sebagai ahli mesyuarat bagi mengelakkan krisis yang berlaku.¹¹³ Keadaan ini telah menimbulkan kemarahan golongan istana kerana urusan perlantikan Sultan, adalah hak keluarga Diraja tanpa perlu menunggu keputusan daripada Residen British. Tindakan yang dilakukan oleh British ini dilihat cuba untuk menguasai istana, dan melemahkan pengaruh golongan keluarga Diraja dalam pentadbiran negeri.¹¹⁴

Melalui perkara yang berlaku ini, British dilihat cuba memainkan peranan dalam perkara mengenai perlantikan Sultan. Perlantikan Residen dalam pentadbiran negeri dilihat telah melampui batas kerana, urusan perlantikan Sultan tidak hanya dibuat oleh golongan istana, tetapi juga perlu bergantung kepada persetujuan Residen.¹¹⁵ Situasi yang berlaku ini menunjukkan bahawa, pengaruh Bugis dalam istana semakin berkurang kerana setiap pengganti Sultan, perlu dirujuk terlebih dahulu kepada Residen. Permasalahan mengenai perlantikan bukan sahaja berlaku pada peringkat awal pentadbiran British, malah turut pada kemudiannya. Misalnya pada tahun 1945, British tidak mengiktiraf Sultan Musa sebagai Sultan Selangor. Sultan Musa kemudian diturunkan takhta dan Sultan Hisamuddin Shah dilantik sebagai Sultan Selangor yang sah.¹¹⁶

Menurut Laporan Pejabat Residen, British tidak mengesahkan Sultan yang dilantik semasa pendudukan Jepun.¹¹⁷ Pada peringkat awal sebelum pendudukan Jepun, British telah menafikan hak Sultan Musa sebagai Sultan kerana beliau tidak memberi kerjasama kepada British dan seringkali menentang British dalam melakukan keputusan. Oleh itu semasa Sultan Sir Alaeddin mangkat, Sultan Musa sepatutnya menggantikan Sultan Alaeddin sebagai Sultan Selangor, namun dinafikan haknya oleh British dan British kemudian melantik Sultan Hisamuddin Alam Shah dilantik sebagai Sultan Selangor yang sah.

Kebangkitan Nasionalisme

Masyarakat Bugis terkenal dengan kebudayaan sastera yang dihasilkan oleh mereka. Kebanyakan kesusasteraan yang dihasilkan adalah untuk menyemai sikap jati diri dan juga

¹¹² Ibid, hlm. 3.

¹¹³ Apendix IV, Sultan Abdul Samad To J. P. Rodger, CO 717/117/12

¹¹⁴ Daud Daldiri, *Sejarah Kuala Kubu 1880-1930*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1973, hlm. 21

¹¹⁵ Ibid, hlm. 28.

¹¹⁶ Daud Daldiri, *Sejarah Kuala Kubu 1880-1930*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1973, hlm. 19.

¹¹⁷ Report To Colonial Office, Selangor Administration, CO 469/8/10.

mengangkat martabat bangsa mereka.¹¹⁸ Hasil daripada kesusasteraan Bugis ini dilihat sebagai pemangkin kepada nilai patriotisme dalam kalangan masyarakat di Selangor. Antara karya Bugis yang paling berpengaruh di seluruh Tanah Melayu adalah Tuhfat al-Nafis.¹¹⁹ Karya ini menceritakan mengenai keagungan masyarakat Bugis di Tanah Melayu, tentang pentadbiran dan juga nilai-nilai perjuangan untuk menentang Belanda, Portugis dan Siam.

Karya sastera yang telah dihasilkan oleh masyarakat Bugis ini secara tidak langsung telah menanam semangat juang kepada penduduk Selangor kerana semasa peringkat awal penjajahan British, masyarakat Bugis dilihat telah ditindas oleh British. Mereka telah dinafikan hak dalam pentadbiran dan juga ekonomi.¹²⁰ Kemarahan masyarakat Bugis terhadap British pada peringkat awal tidak disuarakan melalui tindakan, sebaliknya mereka bersuara disebalik mata pen. Beberapa syair dan puisi telah dicipta dan diedarkan di Selangor pada awal abad ke-20 untuk menanam semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat Bugis sendiri.¹²¹ Pengaruh Bugis dalam kebangkitan nasionalisme di Selangor dilihat bukan sahaja dalam komuniti mereka, tetapi turut melingkari kepada penduduk di Selangor.¹²² Hasilnya, muncul beberapa penulisan yang lain dan persatuan komuniti masyarakat di Selangor untuk memperjuangkan hak mereka kepada pihak British.

Penularan semangat jati diri yang berada pada masyarakat Bugis dilihat telah berjaya membakar semangat masyarakat Melayu. Ini dapat dilihat pada masyarakat Bugis terhadap British, mereka begitu membenci golongan Inggeris ini kerana semasa pentadbiran Inggeris di Pulau Jawa, kehidupan mereka telah diseksa kerana hasil-hasil pertanian mereka telah dirampas.¹²³ Setelah pentadbiran British di Pulau Jawa bertukar tangan dengan Belanda, masyarakat Bugis sekali lagi ditindas oleh Belanda dengan mengikut kemahuan penjajah dengan melaksanakan kerahan tenaga untuk dasar pertanian Belanda. Sikap anti penjajah daripada Bugis ini dilihat telah membantu untuk membangkitkan sentimen anti penjajah dalam kalangan masyarakat Melayu kemudiannya.¹²⁴ Walaupun ianya dilihat tidak sebegitu besar sumbangannya terhadap penentangan penjajah, namun jika dilihat dari sudut

¹¹⁸ Ahmad Jelani Halimi, *Sejarah Dan Tamadun Bangsa Melayu*, Kuala Lumpur: Utusan Publications And Distributors, 2008, hlm. 336

¹¹⁹ Ibid, hlm. 338.

¹²⁰ Ibid, hlm. 341.

¹²¹ Philip Fook Seng, *The Malay States 1877-1895*, London: Oxford University Press, hlm. 63.

¹²² Philip Fook Seng, *The Malay States 1877-1895*, London: Oxford University Press, hlm. 63.

¹²³ Paul H. Kratoska, *Penghulus In Perak And Selangor, Rationalisation And Decline Of Traditional Malay Office*, Journal Of The Malaysian Branch, Royal Asiatic Society, 57 (2) (1894), hlm. 39.

¹²⁴ Ibid, hlm. 42.

patriotisme dan jati diri, masyarakat Bugis telah berjaya membuka pekung dalam mempengaruhi masyarakat Melayu untuk perjuangan penentangan penjajah di Selangor.

KESIMPULAN

Secara konklusinya, pengaruh Bugis di Selangor dilihat semakin kukuh selepas perlantikan Raja Lumu sebagai Sultan Selangor. Sebelum berlakunya penabalan Raja Lumu sebagai Sultan Selangor, petempatan Bugis di Kuala Selangor telah wujud, namun tidak begitu meluas. Walau bagaimanapun, populasi ini semakin bertambah selepas Raja Lumu di lantik. Perlantikan Raja Lumu menandakan bermulanya era kegemilangan Bugis di Selangor kerana mereka bukan sahaja menguasai segenap pentadbiran Selangor, malah turut menguasai ekonomi negeri ini. Kewujudan petempatan Bugis ini kemudian telah membawa bersama pengaruh kehidupan Bugis ke dalam masyarakat Melayu. Tradisi-tradisi Bugis telah membentuk jiwa sentiasa memelihara, membina, memulihkan dan meningkatkan reputasi, kebanggaan dan maruah masyarakat Bugis. Masyarakat Bugis juga sangat aktif dalam bidang perniagaan dan perdagangan selain aktif dalam penerokaan tanah dan membentuk petempatan baru. Tradisi yang dibawa oleh Bugis ini kemudian telah mempengaruhi pembentukan jiwa patriotisme dalam kalangan masyarakat Melayu, seterusnya berasimilasi dengan kebudayaan masyarakat tempatan.

Kekayaan hasil yang dimiliki oleh negeri Selangor kemudian menyedarkan kuasa asing bahawa negeri ini penting dalam peta perdagangan dunia. Kepentingan ekonomi ini telah membawa kepada penjajahan British di Selangor dengan seorang pegawai Inggeris diletakkan setaraf dengan kedudukan Sultan sebagai anggota pentadbir yang baru. Dalam tempoh zaman kolonial British, pengaruh Bugis dilihat tidak dapat berkembang dengan lebih jauh. Jelas dilihat bahawa, zaman kolonial adalah zaman kegelapan kepada masyarakat Bugis di Selangor. Penjajahan British di Selangor telah menyekat pengaruh-pengaruh Bugis di Selangor, sehingga membentuk identiti Selangor seperti negeri-negeri Melayu. Keadaan ini menjadikan faktor masyarakat Bugis, sukar untuk meningkatkan diri mereka. Tambahan pula, ekonomi Selangor kemudian telah didominasi oleh masyarakat Cina dan India.

RUJUKAN

Sumber Primer

Rekod Pejabat Kolonial British

Annual Report From Resident General, CO 576/1.

Annual Report, People And Economic Selangor, CO 439/2/6.

Apendix IV, Sultan Abdul Samad To J. P. Rodger, CO 717/117/12

Eastern Seas. Proceedings of British & Dutch Authorities. Conventions with Native Princes, FO 37/803/2

Letter From Frank Swettenham To Colonial Office, CO 717/65/2.

Letter To J. P. Rodger, Succession to Sultanate of Selangor, CO 717/117/12

Memorandum To Colonial Office, Treasury: Federated Malay States, CO 1071/236/13.

Rekod Hubungan Perdagangan Antara Bengal Dan Pulau Pinang, IOR/G/34/2.

Report To Colonial Office, Federated Malay States Enactment, CO 1071/234.

Report To Colonial Office, Selangor Administration. CO 469/8/10.

Report To Colonial Office, Selangor, CO 439/2/6.

Report To Colonial Office: Selangor Socioeconomy, CO 717/48/26

Report To Colonial Office: Singapore Progress, FO 628/5/70

Report To Colonial Office, Selangor Economy And Raja Muda Allowence, FCO 141/3.

Report, Bucket-dredging for Tin in the Federated Malay States, Colonial Office, Co 439/2/11.

Selangor Administration Report, 1890, Selangor: Government Print, Sel. Sec. G. 1890/2603.

Selangor Annual Report, CO 439/1/29.

Selangor Annual Reports, CO 439/1/19.

Selangor Government Gazet And Colonial Office, CO 469/22/934.

Selangor Paper: Memorandum To Colonial Office, CO 469/2/10.

Selangor Socioeconomic Report To Colonial Office, CO 628/29/36.

Selangor: Government Gazet, CO 469/3.

The Laws of the Federated Malay States, 1877-1920, London: Government Print, 1928.

Akhbar

Pertanian Masyarakat Bugis, Akhbar Jawi Peranakan, 19 Mei 1921.

Sumber Kedua

Buku

Ahmad Jelani Halimi. *Sejarah Dan Tamadun Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications And Distributors. 2008.

Andaya, Barbara Watson. *Leaves of the Same Tree: Trade and Ethnicity in the Straits of Melaka*, Singapore: National University Singapore Press. 2001.

Andaya, Leonard Y. & B. W. *A History of Malaysia*, Hawaii: University of Hawai'i Press. 2001.

Bigalke, Terance W. *Tana Toraja: A Social History of an Indonesian People*. London: Oxford University Press. 2001

Butcher, John G. *The British In Malaya, 1880-1941: The Social History Of A European Community In Colonial South-East Asia*. London: Oxford University Press. 1979.

Ching-Hwang Yen. *Ethnic Chinese Business in Asia: History, Culture and Business Enterprise*. London: Oriental History School Press. 1960.

Christian Pelras, *The Bugis*, Sydney: Sydney University Press. 2000.

Daud Daldiri. *Sejarah Kuala Kubu 1880-1930*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. 1973.

Drakard, Jake. *Malays in Selangor: Culture, Economy, And Ideology*. London: Cambridge University Press. 1990.

Druce, Stephen C. *The Lands West of the Lakes: A History of the Ajattappareng Kingdoms of South Sulawesi 1200-1600*. Leiden: Royal Institute Of Southeast Asian And Carribean Studies. 2007.

Emily Sadka. *The Protected Malay States 1874-1895*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 1968.

Freeman, Donald B. *Straits of Malacca: Gateway or Gauntlet?*, London: Oxford University Press. 1999.

Gullick, J.M. *Glimpses of Selangor, 1860-1898*, Selangor: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society. 1993.

Harper, T. N. *The End Of Empire And Making Malaya*. London: Cambridge University Press. 1999.

Iza R. Hussin. *The Politics of Islamic Law: Local Elites, Colonial Authority, And The Making Of The Muslim State*. London: The University Of Chicago Press. 2003.

Johnson, Abraham G. *Bugis: Society And Philosophy*. New York: Oxford University Press. 1993.

Khoo Kay Kim, *Selangor: Dahulu Dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia. 1985.

Khoo Kay Kim. *The Peninsular Malay Sultanates :genesis and Salient Features*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 1972.

Koot, Christian J. *Empire at the Periphery: British Colonists, Anglo-Dutch Trade, and the Development British Atlantic*. New York: New York University Press. 2011.

Matheson, Virginia. *Tuhfat Al-Nafis (the Precious Gift): A Nineteenth Century Malay History Critically Examined*, Manchester: Manchester University Press. 1999.

May Yee Chen. *The Royal Selangor Story: Born and Bred in Pewter Dust*. Singapore: Singapore University Press. 1990.

Mills, Lennox A. *Malaya: A Political and Economic Appraisal*. Minneapolis: University Of Minnesota Press. 1958

Milner, Anthony. *The Invention of Politics in Colonial Malaya*, New York: Cambridge University Press. 2002.

Milner, David. T. Malay History And Culture, London: MacMillan Publishers. 1972.

Morrison, Charles. *Mining in Malaya for Gold and Tin*. New York: Cambridge University Press. 1978.

- Nicholas Tarling. *Imperialisme In Southeast Asia*. London: Routledge. 2001.
- Perret, Daniel. *History Of Johor-Riau-Lingga To 1914*. Singapore: Singapore University Press. 1990.
- Philip Fook Seng. *The Malay States 1877-1895*. London: Oxford Univrsity Press. 2002.
- Ricklefs, M.C. *A History Cultural Bugis Indonesia*. London: Stanford Uneversity Press. California. 1981.
- S. Budisantoso, *Wasiat-Wasiat Dalam Lontarak Bugis*, Jakarta: Proyek Penelitian dan Pengkajian Kebudayaan Nusantara, 1990, hlm. 23.
- Siti Hawa Hj. Salleh. *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Dewan Bahasa dan Pustaka. 1997.
- Sright, L. R. *The Origins Of British Java Settlements*. Hong Kong: Hong Kong University Press. 1971.
- Stockwell, A. J. *Malaya: The Alliance route to independence 1953-1957*. London: University Of London. 1995.
- Sularto Hadisuwarno. *The Bugis-Macassarese Traditional Boatbuilding as a Cultural Element in South Sulawesi*, Jakarta: Universiti Gadjah Mada Press. 2003.
- Trocki, C. A. *Prince of Pirates: The Temenggongs And The Development Of Johor And Singapore*, Singapore: National University Singapore Press. 2007.
- Webster, Anthony. *Gentleman Capitalists: British Imperialism in Southeast Asia 1770-1890*. London: Oxford University Press.
- Wright, Nicole T. *British Administration In Malaya*. New York: Ashgate Publishing, 1995.
- Yusoff Iskandar, *Pensejarahan Melayu: Kajian Tentang Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. 1992.

Artikel/Journal

- Andaya, Barbara Watson. *The Installation of The First Sultan Of Selangor 1766*. Journal Of The Malaysian Branch, Royal Asiatic Society, 47(1), (1974):41-57.
- Foster, M. T. *The Bugis Genealogy of the Raja Muda Family of Riau-Johor*, Selangor: Malayan Branch of the Royal Asiatic Society. 1988.

Kratoska, Paul H. *Penghulus In Perak And Selangor, Rationalisation And Decline Of Traditional Malay Office*, Journal Of The Malaysian Branch, Royal Asiatic Society, 57 (2) (1894).

Gullick J. M. *A History Of Selangor 1742-1957*, Journal Of The Malayan Branch, Royal Asiatic Society 28 (4) (1955): 1-172.

Gullick J. M. *Tunku Kudin In Selangor*, Journal Of The Malayan Branch, Royal Asiatic Society 59 (2) (1986).

Hornday, W. T. *Retrospective Notes: Accounts Of a Journalists Visit To The Territory Of Selangor 1878*, Journal Of The Malayan Branch, Royal Asiatic Society 78 (2) (1986).

The Royal Family Of Selangor, Selangor Journal 3 (11) (Feb 8, 1895): 178-180.

Milner, A. C. *Islam And Malay Kingship*. Journal Of The Royal Asiatic Society. 1981.

Disertasi

Ahmad Farhan Abdullah. *Perkembangan pentadbiran Selangor, 1874-1893*, M.A. Universiti Malaya, 2013.

Amarjit Kaur. *North Indians in Malaya : A Study Of Their Economic, Social And Political Activities With Special Reference To Selangor, 1870s-1940s*. M.A. Universiti Malaya, 1973.

Khazin Mohd Tamrin. *Sejarah Penghijrahan Dan Penempatan Orang Jawa Di Selangor 1800-1940-an*, M. A, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1977.

Khoo Kay Kim. *The Western Malay States 1861-1873: The Political Effect Of The Growth Of Economic Activities*, M. A, University Malaya, 1967.

Knowles, M. I. *The Expansion Of British Influence In The Malay Peninsula 1867-1886*, Ph.D, University Of Wisconsin, 1936.

Mohd Yusof Bin Md. Nor. *Edisi Dan Kajian Kitab Silsilah Melayu Dan Bugis*, M.A, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1981.

Muhammad Amin Bin Hassan. *Perang Klang: A Study of Malay Politics And Personalities In Selangor 1867-1898*, M.A, Universiti Malaya, 1970.